



SIARAN MEDIA

ANUGERAH BANDAR PALING BAHAGIA 2024 : KOMITMEN KPKT DALAM MEMPERKUKUH AGENDA MALAYSIA MADANI

PUTRAJAYA, 15 Mac 2024 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah merasmikan Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia (*International Day of Happiness*) Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 bertempat di pekarangan lobi Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) pada petang ini.

Bertemakan “Bahagia Bersama Malaysia MADANI”, sambutan yang diraikan pada 20 Mac setiap tahun ini bertujuan mengiktiraf hubung kait di antara keseimbangan pembangunan fizikal, sosial dan alam sekitar ke arah kebahagiaan dan kesejahteraan penduduk sejagat.

YB KM berkata, “Malaysia pula tersenarai tangga ke-55 paling bahagia di dunia (tahun 2023) dengan skor indeks 6.012. Kedudukan ini menunjukkan peningkatan 15 tangga berbanding tahun 2022 di mana Malaysia berada di kedudukan ke-70 dan ke-81 pada tahun 2021. Di Asia Tenggara pula, Malaysia berada di tempat kedua selepas Singapura dan ke-9 di Asia.”

Sebanyak **144 PBT** di Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan (Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan), Sabah dan Sarawak telah terlibat dalam Kajian Indeks Kebahagiaan ini iaitu **102 bandar (71%)** mencapai **status bahagia** dan **42 bandar (29%)** mencapai status **sederhana bahagia**.

Dalam majlis tersebut, YB KM telah menyampaikan penghargaan kepada **10 Bandar Paling Bahagia Tahun 2024** seperti berikut :

- i. Cameron Highlands, Pahang;
- ii. Bandar Jeli, Kelantan;
- iii. Bandar Jerantut, Pahang;
- iv. Bandaraya Kuala Terengganu, Terengganu;
- v. Bandar Kulai, Johor;
- vi. Bandar Lenggong, Perak;
- vii. Bandaraya Melaka Bersejarah, Melaka;
- viii. Bandaraya Petaling Jaya, Selangor;
- ix. Bandar Port Dickson, Negeri Sembilan; dan
- x. Bandar Rompin, Pahang.

YB KM turut menyampaikan Anugerah **Bandar Apresiasi Khas** kepada lima (5) bandar yang telah mencapai tahap bahagia berdasarkan tiga (3) komponen utama yang dinilai melalui Indeks Kebahagiaan Bandar Malaysia. Lima (5) bandar tersebut adalah:

- i. Bandar Keluarga Bahagia Kota Marudu, Sabah;
- ii. Bandar Keluarga Bahagia Kuala Langat, Selangor;
- iii. Bandaraya Komuniti Bahagia Subang Jaya, Selangor;
- iv. Bandar Komuniti Bahagia Tampin, Negeri Sembilan; dan
- v. Bandaraya Bahagia Mesra Usia, Ipoh, Perak.

Antara penyumbang utama tahap kebahagiaan dan kesejahteraan penduduk adalah kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh PBT seperti **penjagaan kebersihan persekitaran, pengurusan sisa pepejal dan kutipan sampah yang berkesan dan teratur.**

Pada majlis yang sama, YB KM turut melancarkan **Laporan Kebahagiaan Malaysia 2024** yang melaporkan tahap pencapaian Indeks Kebahagiaan bagi kesemua 14 bidang yang diukur melalui Indeks Kebahagiaan di bawah Program Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia (MURNInets). Laporan ini dibuat sebagai rujukan Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam

mengenal pasti perkara yang perlu ditambah baik bagi meningkatkan kesejahteraan dan kebahagiaan penduduk dalam kawasan masing-masing.

Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia (*International Day of Happiness*) Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 dan pengukuran Indeks Kebahagiaan MURNInets bagi bandar-bandar di Malaysia ini adalah selaras dengan agenda global iaitu **Sustainable Development Goals (SDGs)**, khususnya **SDG 11 (Sustainable Cities and Communities)** ke arah mencapai pembangunan bandar yang bahagia, sejahtera, mampan dan selamat selaras dengan agenda **Malaysia MADANI**.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertawi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

